

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.06.2014**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada syor menutup MAS adalah pelan pemulihan kewangan MAS yang kerugian RM4.1 bilion sejak 3 tahun lalu. Berikan butiran kerugian sepanjang ini, kesan negatif penutupan MAS kepada pekerja, pemilik saham serta kerugian yang akan ditanggung oleh Kerajaan dari aspek geran dan jaminan kewangan yang diberikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan juga peningkatan kos operasi merangkumi kos bahan api dan kos bukan bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat, peruntukan susut nilai pesawat kargo dan peruntukan stok usang. Melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaannya yang komprehensif, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion. Kerugian ini disebabkan peningkatan kos bahan api, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding US Dolar (*Forex Loss*) dan kos pemulangan pesawat.

Untuk tempoh suku pertama tahun 2014, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM443 juta berbanding kerugian RM279 juta pada tahun 2013. Lebihan kapasiti pasaran menyebabkan tekanan kepada struktur kadar tambang dan mengurangkan hasil syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membincangkan isu kerugian MAS dan telah memutuskan supaya pihak Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian *due diligence* untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsyen-opsyen penyelesaian terbaik.

Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian ke atas MAS masih dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Khazanah sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi membolehkan hala tuju MAS ditentukan. Sebarang keputusan yang dibuat berhubung hala tuju MAS akan turut mengambilkira implikasi kepada pihak-pihak

berkepentingan (stakeholders) seperti pekerja, pemilik saham dan Kerajaan. Buat masa ini, kebarangkalian MAS ditutup tidak timbul kerana hala tuju MAS masih belum diputuskan dan implikasi kewangan kepada Kerajaan adalah berdasarkan keputusan yang akan ditentukan kelak.